

NEGARA!

Kanser bukan halangan – Rene'e

KUALA LUMPUR – Penyakit kanser bukan halangan bagi Rene'e Azizi Ahmad, 45, (**gambar**) untuk mengetuai pendakian ke Gunung Aconcagua, Argentina pertengahan Januari depan.

Beliau yang menghidap kanser buah dada sejak tahun 2001 ingin membuktikan bahawa pesakit kanser sepertinya mampu untuk melakukan aktiviti sama seperti golongan yang sihat.

"Melalui pendakian ini, saya nak buktikan kepada semua yang saya boleh lakukan sama seperti mereka,"

katanya ketika berucap pada majlis Pelancaran Pendakian bersama Pride - Aconcagua 2007 di JW Marriott di sini semalam.

Ekspedisi anjuran Yayasan Pink Ribbon Deeds (Pride) itu bertujuan menyampaikan mesej kepada wanita bahawa penghidap barah buah dada mampu untuk melakukan aktiviti-aktiviti mencabar.

Rene'e berkata, pesakit kanser perlu mempunyai mental yang kuat dalam menghadapi hari-hari akan datang di samping sokongan kuat daripada keluarga dan rakan-rakan.

Sementara itu Pengerusi Yayasan ride, Datin Azrene Abdullah berkata, penglibatan Rene'e dalam pendakian itu sebagai penyuntik inspirasi kepada penghidap barah buah dada yang lain bahawa penyakit ini bukan noktah untuk meneruskan kehidupan.

"Rene'e mengejutkan saya kerana kuat walaupun menghidapi kanser," ujarnya.

Menurutnya, ekspedisi itu dijangka mengambil masa 26 hari.

Sebagai persediaan, Rene'e dan empat pendaki lain - pegawai in-

surans, Khairul Arifin Ibrahim; penyarah, Shereen Effendy Lee, pengarah dan jurufoto, Harun Rahman; dan juruterbang, Kapten Zabil Ihram Zainol akan menjalani latihan selama sembilan hari di Trans Titiwangsa dan enam hari di Gunung Kinabalu yang merangkumi latihan fizikal dan mental.

Gunung Aconcagua mempunyai ketinggian 7,000 meter.

Ia dipilih sebagai lokasi pendakian kerana ia memberi cabaran hebat kepada pendaki dari segi mental dan fizikal.

